

SYARAT-SYARAT LESEN TADIKA / TASKA

1. Ruang Jagaan

- a) Ruang bilik bagi seorang murid ialah 16 kaki persegi dan ruang bilik bagi seorang guru ialah 60 kaki persegi.
- b) Tiap-tiap bilik hendaklah mempunyai tingkap minima 10% daripada luas lantai bilik.
- c) Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna cerah seperti lantai jubin, *vinyl, epoxy floor, floor hardener* atau lain-lain seumpamanya.
- d) Dinding hendaklah disudahi dengan bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna cerah.

2. Keselamatan

- a) Menutup semua soket elektrik yang terdapat di dinding premis.
- b) Memastikan alat-alat permainan bersih dan selamat digunakan.
- c) Pagar premis hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak berkarat

3. Kebersihan

- a) Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti besin dan singki yang mencukupi.

4. Stor Penyimpanan

- a) Semua barang-barang dan peralatan hendaklah berkeadaan baik dan bersih sertadiletak atau disimpan di atas rak, kabinet atau meja yang sempurna.

5. Lain-Lain

- a) Pengendali makanan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan dan mendapatkan suntikan TY2.
- b) Keseluruhan premis hendaklah bebas daripada serangga dan haiwan rodensia serta haiwan peliharaan.

SYARAT-SYARAT LESEN BAGI PERNIAGAAN MENCUCI KENDERAAN

1. Air limbah daripada aktiviti mencuci kenderaan hendaklah disalurkan ke longkang dan tidak dibenarkan mengalir ke atas jalan.
2. Premis perniagaan perlu dilengkapi dengan sistem perangkap minyak dan pasir.
3. Perniagaan yang dijalankan hendaklah tidak menghalang / mengganggu laluan masuk ke taman perumahan.
4. Hanya aktiviti mencuci dan mengilat kenderaan sahaja yang dibenarkan beroperasi. Premis juga hendaklah mempunyai ruang tempat meletak kenderaan yang mencukupi.
5. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci kenderaan di luar premis perniagaan.
6. Pengusaha dilarang memasang alat muzik yang boleh menyebabkan gangguan bunyi bising penduduk sekitar semasa urusan perniagaan dijalankan kecuali dengan kebenaran pihak majlis.
7. Sebarang pembinaan struktur berbentuk kekal atau sementara hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Teluk Intan.
8. Pengusaha hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar.
9. Hendaklah mematuhi lain-lain syarat tambahan yang akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LESEN BAGI MINUMAN KERAS / LIQUOR

1. Aktiviti hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perniagaan.
2. Premis perniagaan hendaklah berada di luar radius 200 meter daripada kawasan kediaman, pusat ibadah, sekolah dan bangunan kerajaan.
3. Tidak dibenarkan beroperasi di kawasan yang majoritinya adalah penduduk Islam.
4. Dilarang menjual minuman keras kepada pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah dan yang beragama Islam.
5. Pekerja dipremis perniagaan hendaklah berumur 21 tahun ke atas.
6. Waktu operasi adalah sehingga pukul 12:00 tengah malam sahaja. Walaubagaimanapun operasi boleh dilanjutkan sekiranya mendapat kelulusan / kebenaran daripada Lembaga Pelesenan Daerah Hilir Perak.
7. Pelesen adalah dilarang menjual liquor kepada orang-orang Islam. Pelesen hendaklah memaparkan di pintu masuk dan di dalam premis papan pemberitahuan dengan jelas di tempat yang boleh dilihat oleh orang awam dengan perkataan "Dilarang menjual minuman keras kepada orang-orang Islam".
8. Tidak boleh membotol, mencampur, menyebati atau mengubah mana-mana liquor yang memabukkan samada di premis berlesen atau dimana-mana tempat lain.
9. Pemilik premis yang menjalankan aktiviti menjual minuman keras hendaklah memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis ataupun ditempat yang terbuka.
10. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPTI dari semasa ke semasa. bagi premis perniagaan
11. Tindakan yang tegas akan diambil sekiranya pengusaha didapati menjalankan aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang.
12. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat di dalam premis perniagaan tersebut.
13. Pihak MPTI berhak menarik balik lesen perniagaan dan mengarahkan premis perniagaan ditutup sekiranya didapati pengusaha perniagaan melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

SYARAT-SYARAT LESEN BARANG LUSUH

1. "Hoarding" hendaklah dibina di sekeliling pusat pengumpulan barang-barang lusuh dengan ketinggian 8 kaki dan diperbuat daripada bahan "metal deck" yang dicat lapisan pencegah karat dan sentiasa diawasi supaya berada dalam keadaan bersih.
2. Tidak dibenarkan sama sekali meletak /mengumpul atau melakukan sebarang kerja pengasingan diluar kawasan "hoarding" hadapan dan belakang premis.
3. Semua kerja-kerja pemunggaan barang-barang lusuh hendaklah dilakukan di dalam kawasan "hoarding".
4. Pengusaha hendaklah memperoleh lesen daripada Majlis Perbandaran Teluk Intan sebelum menjalankan aktiviti perniagaan tersebut.
5. Barang-barang yang mudah menakung air hendaklah samada ditutup dengan rapi menggunakan kanvas atau dibina bumbung bagi mengelak sebarang bentuk pembiakan nyamuk.
6. Sebarang pembinaan di atas tapak hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan-Jabatan berkaitan di Majlis Perbandaran Teluk Intan
7. Aktiviti perniagaan hendaklah bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir selewat-lewatnya jam 7.00 petang. Tidak dibenarkan sama sekali aktiviti urusan pada sebelah malam.
- 8 .Pemohon dikehendaki supaya mengawal semua aktiviti yang terlibat dengan perniagaan terutama pencemaran bunyi.
- 9 .Tahap kebersihan hendaklah dipastikan sentiasa terjaga, semua pembuangan sisa adalah menjadi tanggungjawab pengusaha. Pembuangan sisa hanya dibenarkan dibuang ditempat yang dibenarkan.

10. Aktiviti membakar ditapak pengumpulan barang-barang lusuh adalah dilarang sama sekali.
11. Lori /treler tidak dibenarkan diletak di persimpangan jalan.
12. Pengusaha dilarang sama sekali menyimpan, membeli dan menjual barang-barang lusuh yang dicuri dan sekiranya didapati pihak tuan melanggar syarat tersebut, pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang tanpa notis lanjut.
14. Pihak MPTI berhak menarik balik lesen yang dikeluarkan sekiranya terdapat aduan awam atau pelanggaran mana-mana syarat pelesenan dan Jabatan Teknikal yang diterima.

SYARAT-SYARAT LESEN PAPAN IKLAN LUAR (BILLBOARD)

1. Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan salinan polisi insurans liability awam yang baru bagi papan iklan luar yang dimohon dan pembaharuan papan iklan luar.
2. Pihak syarikat hendaklah menyelenggara papan iklan luar dan visual apabila didapati usang/lusuh,rosak.
3. Sebarang perubahan visual yang akan dipaparkan hendaklah mendapat kelulusan daripada MPTI terlebih dahulu. Perkataan yang digunakan di dalam visual hendaklah mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu.
4. Visual yang mengiklankan minuman keras,rokok dan berbentuk lucah tidak dibenarkan sama sekali dipamerkan.
5. Hendaklah mempamerkan nombor lesen papan iklan seperti MPTI/140/P.IKLAN L1234-5 disebelah kiri bahagian bawah papan iklan juga nama syarikat dan nombor telefon jika berlaku kerosakan papan iklan tersebut.
6. Hendaklah mematuhi arahan pihak majlis dari masa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LESEN PAPAN IKLAN PREMIS

1. Pelesen hendaklah menyelenggara papan iklan dan visual apabila didapati usang/lusuh,rosak.
2. Sebarang perubahan visual yang akan dipaparkan hendaklah mendapat kelulusan daripada MPTI terlebih dahulu. Perkataan yang digunakan di dalam visual hendaklah mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu.
3. Visual yang mengiklankan minuman keras,rokok dan berbentuk lucah tidak dibenarkan sama sekali dipamerkan.
4. Hendaklah mempamerkan nombor lesen papan iklan seperti MPTI/140/LPK/P.IKLAN L1234-5 di sebelah kiri bahagian bawah papan iklan tersebut.
5. Jika perniagaan tidak lagi beroperasi, adalah menjadi tanggungjawab pelesen menurunkan papan iklan tersebut daripada dipamerkan.
6. Hendaklah mematuhi arahan pihak majlis dari masa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS, TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Bangunan Premis
 - 1.1 Bangunan premis hendaklah mendapat perakuan dari Jabatan Kejuruteraan MPTI
 - 1.2 Seluruh bangunan luar dan dalam hendaklah dicat
 - 1.3 Parit,lantai,dinding atau bahagian bangunan tersebut hendaklah diperbaiki bahagian yang rosak
 - 1.4 Hendaklah mendapat sokongan Jabatan Bomba dan mematuhi syarat-syaratnya
2. Pelupusan Sampah dan Bahan Buangan
 - 2.1 Hendaklah menyediakan tong sampah bertutup beserta plastic di dalamnya
 - 2.2 Premis perniagaan membaiki kenderaan bermotor,minyak hitam tidak dibuang di dalam longkang atau merata tempat.Hendaklah disimpan, dilupus dengan cara teratur dan sempurna
 - 2.3 Premis perniagaan bagi mencuci kenderaan, hendaklah menyediakan perangkap minyak bagi mengelakkan sisa buangan minyak mengalir ke longkang utama
3. Kebersihan Premis dan Persekitaran
 - 3.1 Persekitaran premis hendaklah dipastikan sentiasa dalam keadaan bersih,teratur dan sempurna
 - 3.2 Semua peralatan perniagaan hendaklah sentiasa tersusun dan kemas
4. Halangan Pada Awam
 - 4.1 Aktiviti perniagaan hendaklah dijalankan di dalam bangunan premis tersebut
 - 4.2 Aktiviti perniagaan,mempamerkan barangan atau kenderaan tidak dibenarkan di kakilima premis kecuali telah mendapat kelulusan MPTI
5. Lesen
 - 5.1 Hendaklah menjelaskan bayaran lesen tahunan RM setahun dan mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat
 - 5.2 Hendaklah menjalankan perniagaan seperti tersebut di dalam lesen dan aktiviti perniagaan selain daripada itu tidak dibenarkan
6. Am
 - 6.1 Hendaklah menyediakan sebuah peti pertolongan cemas dengan bahan-bahan perubatan yang lengkap

7. Pasaraya dan Pasar mini

7.1 Dibenarkan menjalankan penjualan ikan dengan syarat perlu disimpan/dipamer di dalam peti ais atau kotak bertutup berisi ais bagi mengelakkan kacauganggu bau dan sisa ais yang cair tidak dibenarkan di buang dalam longkang utama.

8. Hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MPTI dari masa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT REFLEKSOLOGI DAN RUMAH URUT -
UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN
(MPTI) 2014)-

1. PREMIS DAN LOKASI

- a) Lokasi premis hendaklah berjauhan daripada kawasan sensitif (kediaman , rumah ibadat dan sekolah)
- b) Pintu masuk premis hendaklah diliputi cermin telus bagi satu per empat daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
- c) Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan tempat-tempat di dalam rumah urut yang digunakan untuk apa-apa urutan atau rawatan kecantikan atau rawatan bagi memelihara mana-mana bahagian badan dan muka.
- d) Pemegang lesen hanya dibenarkan memasang langsir untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut dan merawat tetapi langsir tidak boleh melebihi (2) meter tinggi dari lantai.
- e) Dilarang mempamer gambar lucah dalam premis atau sekitarnya
- f) Mempamerkan papan tanda pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar premis
- g) Aktiviti pelacuran dilarang sama sekali.
- h) Dilarang sebarang aktiviti perjudian, apa-apa makanan dan minuman memabukkan atau apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacauganggu
- i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang mencukupi.

2. PEKERJA DAN TUKANG URUT

- a) Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang tidak menjolok mata.
- b) Warna dan rekabentuk pakaian seragam ditentukan mengikut kesesuaian

3. PEMERIKSAAN KESIHATAN

Semua pekerja yang memberi rawatan bagi urutan perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan oleh seorang Pegawai Perubatan enam (6) bulan sekali.

4. DAFTAR PEKERJA DAN PELANGGAN

- a) Satu buku daftar yang mengandungi nama , no. kad pengenalan, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan.
- b) Satu buku daftar yang mengandungi nama, pelanggan , no. kad pengenalan, warganegara, alamat kediaman, tarikh dan masa hendaklah disediakan.
- c) Pekerja asing perlu ada permit dari Jabatan Imigresen dan membuat Pemeriksaan Kesihatan
- d) Tidak mengambil pekerja yang berumur di bawah 21 tahun.

5. MASA OPERASI

Premis dibenarkan beroperasi sehingga pukul 12.00 tengah malam sahaja.

SYARAT-SYARAT LESEN MEMBAIKI, MEMPAMER KENDERAAN DAN MOTOSIKAL

1. Seluruh bangunan di bahagian dalam dan luar hendaklah dalam keadaan baik dan sempurna
2. Menyediakan tong sampah sempurna (seragam) yang diluluskan oleh pihak majlis
3. Menyediakan peti pertolongan cemas dengan bahan-bahan perubatan yang lengkap
4. Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi dan disahkan oleh Jabatan Bomba
5. Menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di dalam lesen dan selain kegiatan atau perniagaan yang tidak tertera di dalam bil lesen adalah tidak dibenarkan
6. Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan atau mempamer barangan di kaki lima premis
7. Kerja-kerja hendaklah dijalankan di dalam bengkel / bangunan dan segala peralatan perniagaan tidak dibenarkan diletak merata-rata di kawasan premis dan tempat awam
8. Minyak hitam tidak dibenarkan dibuang di merata-rata tempat seperti di dalam longkang dan hendaklah dikumpul dan dilupuskan dengan cara yang sempurna dan teratur
9. Memastikan kawasan sekitar premis dalam keadaan bersih, teratur dan sempurna
10. Hendaklah mematuhi syarat-syarat agensi yang berkaitan dalam UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHP) Pindaan 1993
11. Menjelaskan bayaran lesen tahunan RM setahun
12. Mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MPTI dari masa ke semasa

SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT SNOOKER,BILLIARD DAN POOL

1. Premis

- 1.1 Hendaklah sentiasa memastikan premis berada dalam keadaan bersih,terang dan tidak menggunakan cermin gelap
- 1.2 Tidak dibenarkan mempunyai apa-apa permainan selain snooker,billiard dan pool sahaja
- 1.3 Hendaklah menyediakan tong sampah yang sempurna dan mencukupi
- 1.4 Menyediakan peti pertolongan cemas dengan bahan-bahan perubatan yang lengkap
- 1.5 Hendaklah menyediakan alat pemadam api dengan secukupnya mengikut cadangan Jabatan Bomba dan peralatan tersebut hendaklah diselenggara secara berkala
- 1.6 Hendaklah menyediakan tandas yang berasingan (wanita dan lelaki) yang mencukupi dan sentiasa dalam keadaan bersih dan sempurna
- 1.7 Mestilah mempunyai pintu keluar kecemasan yang sentiasa dalam keadaan baik serta bebas dari halangan.Pintu kecemasan ini hendaklah mempunyai tanda 'KELUAR' yang menggunakan tenaga elektrik dan mempunyai kuasa 'back-up' apabila bekalan elektrik terputus
- 1.8 Hendaklah menyediakan kenyataan yang jelas di premis
 - 1.8.1 Remaja dan kanak-kanak di baah umur 18 tahun dilarang masuk
 - 1.8.2 Dilarang merokok
 - 1.8.3 Berpakaian seragam sekolah dilarang masuk
 - 1.8.4 Dilarang membawa dan menggunakan dadah,ectasy
- 1.9 Tempat simpanan kayu snooker,billiard dan pool hendaklah disediakan secukupnya

2. Pengurusan

- 2.1 Pelesen hendaklah memastikan permainan tidak dijadikan dalam bentuk perjudian dan dilarang sama sekali mengadakan aktiviti yang mempunyai unsur-unsur perjudian
- 2.2 Dilarang sama sekali meminum dan menjual minuman yang memabukkan
- 2.3 Hendaklah memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara sepanjang waktu operasi
- 2.4 Perniagaan hanya dibenarkan mulai jam 10.00 pagi hingga 12.00 malam
- 2.5 Mestilah mempunyai lesen hiburan daripada Pejabat Daerah dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan
- 2.6 Sebarang pengubahsuaian bangunan hendaklah mendapat kelulusan dari Jabatan Kejuruteraan MPTI
- 2.7 Hendaklah menjelaskan bayaran lesen tahunan RM setahun
- 2.8 Hendaklah mematuhi kehendak dan arahan majlis dari masa ke semasa

SYARAT-SYARAT LESEN HOTEL

1. Keseluruhan bangunan luar dan dalam hendaklah dicat
2. Bilik hotel
 - 2.1 Tiap-tiap bilik hendaklah disediakan tanda arah kiblat di siling dalam bentuk anak panah
 - 2.2 Pintu bilik mandi hendaklah dipasang menghala ke dalam bilik mandi
 - 2.3 Pengusaha hotel digalakkan menyediakan bidet bagi tandas
3. Tandas awam hotel
 - 3.1 Menyediakan paip air/hos dan tempat berwudhuk bagi memudahkan tetamu beragama Islam mengambil wudhuk
 - 3.2 Bilik mandi, tandas dan tempat buang air kecil hendaklah dibersihkan setiap masa secara berjadual
4. Struktur atau bahagian bangunan yang rosak hendaklah diperbaiki dengan segera
5. Sebarang pengubahsuaian bangunan hendaklah mendapat kelulusan dari Jabatan Kejuruteraan MPTI
6. Hendaklah menyediakan alat pemadam api dengan secukupnya mengikut cadangan Jabatan Bomba dan peralatan tersebut hendaklah diselenggara secara berkala
7. Hendaklah menjalankan perniagaan seperti tersebut di dalam lesen dan aktiviti perniagaan selain daripada itu tidak dibenarkan
8. Hendaklah menyediakan tong sampah bertutup yang sempurna dan seragam
9. Hendaklah menyediakan peti pertolongan cemas dengan bekalan ubatan yang lengkap
10. Hendaklah menjelaskan bayaran lesen tahunan RM setahun dan mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat
11. Mempamerkan sijil pendaftaran premis penginapan daripada Kementerian Pelancongan
12. Hendaklah mematuhi kehendak dan arahan majlis dari masa ke semasa

SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS PUSAT HIBURAN (KARAOKE,BILIK MUZIK,DEWAN TARI MENARI,DISKO)

1. Bangunan premis di bahagian hadapan dan bilik hendaklah dipasang dengan pintu cermin yang terang bagi menampakkan semua aktiviti di dalam premis
2. Premis dan ruang terbuka termasuk dinding dan siling hendaklah di pasang dengan bahan kedap bunyi (sound proof)
3. Premis hiburan dilarang menjalankan kegiatan dan penggunaan dadah,pil ectasy dan lain-lain
4. Waktu operasi semua pusat hiburan adalah bermula dari jam 3.00 petang hingga 12.00 malam
5. Premis yang akan digunakan untuk tempat hiburan hendaklah diletakkan di tingkat bawah kecuali hotel,rumah kelab dan kompleks membeli belah
6. Hiburan berbentuk lucah dan ganas tidak dibenarkan di tempat-tempat hiburan
7. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelanggan dalam mana-mana pusat hiburan berpakaian sopan
8. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana pusat hiburan tanpa disertai oleh ibu bapa atau penjaga yang sah
9. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan,loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam suatu tempat hiburan
10. Pusat hiburan juga tidak dibenarkan mempunyaibilik-bilik khas atau sekatan di dalamnya. Jika ada keperluan untuk mengadakan bilik-bilik ini, ia hendaklah menggunakan dinding diperbuat daripada cermin yang terang yang boleh mempunyai tahap ketelusan cahaya lebih 70%. Tidak ada cermin gelap atau langsir dibenarkan di pasang untuk bilik-bilik ini
11. Tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) daripada kalangan wanita atau pondan
12. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di sebelah luar tempat hiburan suatu papan tanda yang menunjukkan nama dan aktiviti premis tersebut selaras dengan undang-undang yang berhubungan dengannya
13. Tiada warung gerai atau struktur lain yang boleh dibina di dalam tempat hiburan
14. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang dihasilkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mendatangkan kacauganggu
15. Semua tangga,laluan,pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu adalah sentiasa tidak berkunci sewaktu masa operasi
16. Setiap tempat hiburan hendaklah mempunyai cahaya terang yang secukupnya
17. Tiada minuman memabukkan dihidang atau diminum di dalam tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan
18. Tiada lesen boleh diluluskan untuk membuka tempat hiburan atau bagi lesen hiburan sehingga Pegawai Pelesenan berpuashati pembukaan premis,susunan tempat duduk,kebersihan,keperluan-keperluan perkhidmatan Bomba,pencahayaan,elektrik

gentian udara dan pemasangan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubung dengannya.

19. Hendaklah mematuhi semua arahan daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan pusat hiburan
20. Hendaklah menjelaskan bayaran lesen RM setahun dan mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat
21. Hendaklah mematuhi kehendak dan arahan majlis dari masa ke semasa

SYARAT-SYARAT LESEN KEDAI GUNTING / PENDANDAN RAMBUT

1. Premis,perkakas,perabot dan segala peralatan hendaklah diselenggara dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik serta bersih pada setiap masa
2. Hendaklah menyediakan tong sampah bertutup yang sempurna dan seragam
3. Hendaklah menyediakan peti pertolongan cemas dengan bekalan ubatan yang lengkap
4. Semua pekerja hendaklah diakui sihat dari segi fizikal oleh Pegawai Kesihatan
5. Tidak dibenarkan menjual dan menyediakan sebarang jenis minuman termasuk minuman yang memabukkan
6. Dilarang melakukan sebarang kegiatan atau aktiviti yang berunsur maksiat dan perjudian
7. Tidak dibenarkan penggunaan cermin gelap dan lampu yang dipasang hendaklah terang. Pelesen juga tidak dibenarkan membuat tambahan bilik tanpa kebenaran daripada pihak majlis terlebih dahulu
8. Hendaklah mematuhi kehendak dan arahan majlis dari masa ke semasa

SYARAT LESEN ESTABLISYEMEN MAKANAN

1. Bangunan
 - 1.1 Bangunan premis hendaklah mendapat perakuan dari Jabatan Kejuruteraan MPTI
 - 1.2 Seluruh bangunan luar dan dalam bangunan perniagaan hendaklah dibersihkan dan dicat semula
 - 1.3 Lantai premis hendaklah dipasang dengan mozek dan dindingnya berjubin setinggi 5 kaki
 - 1.4 Menjaga kebersihan tandas dan bilik air setiap masa
 - 1.5 Hendaklah menyelenggara setor simpanan bahan mentah (sekiranya ada) dengan sempurna dan memastikan kebersihan berada pada tahap yang memuaskan
2. Pelupusan sampah dan sisa makanan
 - 2.1 Semua sisa buangan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah di bahagian dapur
 - 2.2 Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 2 buah tong sampah bertutup bersaiz 3 kaki isipadu (sebuah diletakkan di bahagian hadapan premis dan sebuah lagi tong sampah jenis getah atau plastik besar diletakkan di bahagian dapur)
 - 2.3 Setiap gerai yang terdapat dalam premis dikehendaki menyediakan tempat Membuang sampah / bakul sampah yang bertutup
3. Sistem air perlimbahan
 - 3.1 Hendaklah mengadakan sebuah sinki untuk membasuh tangan di bahagian ruang Makan atau minum
 - 3.2 Menyediakan sinki yang mempunyai grease Trap (perangkap sisa lemak / makanan) atau dialirkan air kumbahan ke dalam tangki septic bagi mengelakkan sisa makanan dan bahan berminyak mengalir ke longkang / parit bagi mengatasi kacauganggu bau
4. Keselamatan dan pengendalian makanan
 - 4.1 Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 2 keping notis kesihatan “Dilarang Meludah”
 - 4.2 Hendaklah menyediakan sebuah peti pertolongan cemas yang lengkap
 - 4.3 Pinggan mangkuk hendaklah dicuci dengan bersih menggunakan bahan pencuci yang dikehendaki untuk peralatan tersebut. Sekiranya terdapat mana-mana bahagian yang retak atau sumbing ianya tidak boleh digunakan sama sekali
 - 4.4 Semua jenis makanan yang telah siap dimasak hendaklah disimpan dalam tempat yang bertutup
 - 4.5 Hendaklah mengadakan sebuah peti sejuk untuk menyimpan barang-barang makanan yang mudah dan cepat rosak serta sentiasa berkeadaan bersih dan teratur
 - 4.6 Semua pekerja yang terlibat dengan penyediaan makanan/minuman hendaklah diakui sihat oleh Pegawai Kesihatan Daerah Hilir Perak, Teluk Intan. Borang suntikan kesihatan boleh didapati dari Pejabat MPTI dengan percuma
 - 4.7 Pekerja-pekerja dilarang merokok semasa menyediakan makanan/minuman atau ketika sedang menghidang makanan/minuman pelanggan

- 4.8 Semua pengendali makanan hendaklah menjaga diri dan pakaian supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih serta memakai apron dengan penutup kepala dan apa-apa barang lain sebagaimana yang diarah oleh Yang Dipertua MPTI
- 4.9 Semasa mengambil makanan semua pengendali makanan dan pelanggan hendaklah menggunakan penyepit atau penyenduk (Elakkan daripada menggunakan tangan)
- 4.10 Dilarang menggunakan tisu tandas untuk tujuan penyediaan makanan dan keperluan pelanggan
- 4.11 Tidak dibenarkan memelihara anjing atau binatang lain di premis perniagaan ini
- 4.12 Premis perniagaan ini hendaklah sentiasa di dalam keadaan bersih dan teratur
5. Tidak membuat halangan pada awam
 - 5.1 Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan atau membuat kerja-kerja mencuci peralatan di atas jalanraya di lorong belakang atau di tepi jalan
 - 5.2 Tidak dibenarkan membuat halangan di kaki lima premis walaupun telah mendapat permit meletak meja dan kerusi
 - 5.3 tidak dibenarkan meletak sebarang gerai di atas longkang, bahu jalan, lorong tepi atau jalan
6. Bayaran lesen tahunan
 - 6.1 Hendaklah membayar lesen sebanyak RM setahun mulai tahun .Resit bayaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat
7. Lain-lain
 - 7.1 Dilarang berjudi di premis perniagaan ini
 - 7.2 Hendaklah mematuhi keperluan UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MDHP) 1992 dan syarat-syarat agensi yang berkaitan
 - 7.3 Sebarang kemalangan atau kerugian bersangkutan dengan pembinaan atau terdirinya papan iklan adalah di bawah tanggungan pelesen
 - 7.4 Mengadakan alat pemadam api serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba
 - 7.5 Dilarang mengambil pekerja asing tanpa permit kerja yang sah dari Jabatan Imigresen
 - 7.6 Hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MPTI dari masa ke semasa
8. Pendaftaran premis makanan Kementerian Kesihatan
 - 8.1 Di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009, Semua premis makanan berikut dikehendaki berdaftar dengan Kementerian Kesihatan
 - a) Premis terlibat dalam pengilangan makanan
 - b) Premis terlibat dalam katering
 - c) Premis di mana makanan disediakan, diproses, disimpan dan dihidang untuk jualan
 - d) Semua kenderaan yang makanan sedia dimakan dijual
 - 8.2 Borang juga boleh didapati di Pejabat Kesihatan Daerah atau muat turun secara dalam talian melalui laman [http://fosim domestic.moh.gov.my](http://fosim.domestic.moh.gov.my)
9. Pemasangan Wifi di premis makanan adalah digalakkan

SYARAT-SYARAT LESEN GERAI ATAU PENJAJA STATIK

1. Hendaklah mengecat bahagian luar,dalam dan bumbung bangunan gerai
2. Semua pengendali makanan hendaklah diakui sihat oleh Pegawai Kesihatan Hilir Perak (Borang pemeriksaan boleh didapati dengan percuma dari pejabat MPTI pada waktu pejabat)
3. Pengendali-pengendali makanan hendaklah memakai apron dan penutup kepala
4. Dilarang merokok semasa mengendalikan makanan
5. Makanan yang telah dimasak hendaklah ditudung bagi mengelakkan dari habuk dan lalat
6. Pinggan mangkuk hendaklah dicuci dengan air panas,detergen dan mana yang retak atau sumbing tidak dibenarkan untuk digunakan lagi
7. Hendaklah menyediakan tong sampah bertutup yang diluluskan oleh MPTI
8. Semua bahan buangan dari dapur hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastic sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah majlis
9. Tidak dibenarkan membuat halangan atas kakilima,longkang dan tempat awam
10. Bangunan persendirian hendaklah mendapatkan kelulusan dari Jabatan Kejuruteraan MPTI
11. Sekeliling kawasan gerai hendaklah dalam keadaan bersih setiap masa serta dalam keadaan teratur
12. Gerai berukuran x kaki dan hendaklah membayar lesen sebanyak RM 180.00 bagi tempoh 6 bulan
13. Lesen hendaklah dipamerkan di dalam gerai bagi memudahkan pihak majlis semasa pemeriksaan premis dibuat
14. Pelesen hendaklah mematuhi syarat-syarat di atas dan arahan majlis dari masa ke semasa
15. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan ,pihak majlis boleh membatalkan lesen dengan tanpa member apa-apa sebab

SYARAT-SYARAT LESEN KOMPOSIT PASAR PAGI / MALAM

1. Mempunyai lesen komposit yang sah daripada MPTI dan mematuhi UUK Penjaja (MDHP)1991
2. Hanya penjaja pasar malam,pagi/pasar sehari sahaja layak diberi lesen komposit
3. Lesen komposit boleh dibayar mengikut cara berikut
 - 3.1 Setengah tahun (6 bulan)
 - 3.2 Setahun
4. Jika bayaran tidak dapat dijelaskan dalam tempoh setahun dari tarikh lesen dikeluarkan lesen komposit ini akan ditamatkan serta merta
5. Lesen komposit ini tidak boleh dipindahmilik dari satu individu ke individu yang lain tanpa mendapat kebenaran atau kelulusan bertulis dari Yang Dipertua MPTI
6. Lesen komposit ini perlu sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat ketika menjalankan perniagaan supaya memudahkan pemantauan dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan MPTI
7. Makluman awal perlu dibuat ke MPTI sekiranya pemilik lesen komposit sudah tidak menjalankan perniagaan atau menamatkan lesen komposit.Sekiranya tiada sebarang makluman dalam tempoh 30 hari, pihak majlis berhak untuk menamatkan atau membatalkan lesen komposit ini.
8. Tapak niaga adalah hakmilik MPTI dan adalah dilarang sama sekali pemilik lesen komposit menyewakan kepada orang lain walau dengan apa cara sekalipun
9. Pemilik lesen komposit perlu menyediakan tong sampah dan menjaga kebersihan tapak niaga masing-masing.Segala sampah sarap atau sisa buangan perlu dilupuskan dengan cara yang sempurna dan teratur
10. Kerjasama perlu diberikan kepada mana-mana pegawai yang diberikan kuasa oleh Yang Dipertua MPTI dalam menjalankan pemantauan dan pengawalan ke atas pemilik lesen komposit
11. Segala syarat-syarat di atas wajib dipatuhi oleh setiap pemilik lesen komposit.Pihak MPTI boleh mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan UUK Penjaja (MDHP) 1991 jika syarat-syarat lesen ini tidak dipatuhi

SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA SEMENTARA

1. Peniaga-peniaga yang berniaga makanan dan minuman diwajibkan menghadiri kursus pengendalian makanan
2. Peniaga makanan dan minuman hendaklah diakui sihat oleh Pegawai Kesihatan Hilir Perak (Borang pemeriksaan boleh didapati dengan percuma dari pejabat MPTI pada waktu pejabat)
3. Setiap peniaga hendaklah menjaga dirinya dan berpakaian bersih
4. Setiap peniaga hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah
5. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik
6. Tiada seorang peniaga boleh membuang apa-apa barang cecair dalam longkang atau di tempat awam
7. Peniaga-peniaga hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tempat perniagaan
8. Perkakas-perkakas seperti pinggan mangkuk, garpu, sudu, gelas dan lain-lain yang digunakan hendaklah bersih. Tidak boleh menggunakan yang retak atau sumbing
9. Semua makanan atau minuman untuk jualan hendaklah ditutup dengan tudung saji atau kain bersih
10. Tidak boleh mengadakan khemah ataupun mengikat plastik atau apa-apa barang pada meja, basikal roda tiga, motosikal atau kereta untuk perlindungan
11. Bagi peniaga secara bergerak tidak dibenarkan berniaga di sekitar sekolah
12. Meja, basikal roda tiga dan kenderaan bermotor hendaklah dibawa balik selepas perniagaan dan pastikan tempat perniagaan dibersihkan
13. Meja yang digunakan untuk berniaga tidak boleh melebihi 6 kaki x 3 kaki
14. Peniaga tidak dibenar meletakkan meja-meja dan kerusi-kerusi untuk pelanggan dan tidak dibenarkan mendirikan sebarang struktur binaan sementara ataupun kekal di lokasi perniagaan
15. Hendaklah mempamerkan lesen semasa mengendali makanan atau minuman
16. Peniaga dilarang merokok semasa mengendali makanan atau minuman
17. Pelen hendaklah mematuhi arahan majlis dan tindakan kompaun, seterusnya pembatalan lesen akan dikenakan sekiranya gagal

